

21/06/2003

Martabat kartunis jatuh kerana seorang

Adi Alhadi

SAYA berasa amat terpenggil untuk turut memberikan pandangan terhadap penyiaran kartun yang menghina Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam lidah rasmi Pas, Harakah, yang dilakarkan oleh kartunis yang kebetulan sahabat yang pernah sangat karib dengan saya.

Saya memilih untuk tidak menyebut nama kartunis berkenaan kerana tidak mahu membantu merosakkan namanya. Memadailah jika dia seorang melakukannya. Saya percaya sesiapa saja yang mengikuti isu ini dengan sendirinya faham siapa kartunis yang saya maksudkan.

Saya bukan kartunis tetapi telah hampir dua dekad berada di gelanggang kartun, bercampur gaul dengan kartunis hampir sepanjang masa atas sebab minat dan tugas.

Dalam tempoh dua dekad lebih jugalah, saya mengenali kartunis berkenaan

- daripada zaman kami sama-sama mencari tapak untuk bermula, zaman berkongsi `isme' yang sama sehingga akhirnya masing-masing memilih haluan dan pegangan sendiri.

Dia mempunyai bakat yang luar biasa. Saya antara yang pernah mengaguminya. Saya menyedari bakatnya itu sejak dia mula aktif berkarya dan bertitik tolak dari situlah ketika menjadi editor di sebuah tabloid, yang diterajui oleh Allahyarham Ikhwan Nasir, bekas Ahli Parlimen Pontian, saya ikut membuka ruang untuk dia berkarya.

Kemudian, apabila berkhidmat di sebuah majalah humor popular, saya membesarkan lagi laluan sedia ada untuk dia menonjolkan kebolehannya dengan keyakinan bahawa bakat luar biasanya akan menjadikan dia kartunis besar.

Jangkaan saya tidak tersilap. Dia kini benar-benar menjadi besar - dengan cara yang benar-benar salah.

Secara peribadi, saya menghormati hak dan pegangan politik sesiapa saja.

Saya mempunyai rakan karib yang menjadi ahli Pas seumur hidup, penyokong Keadilan yang taksu dan pemuja DAP yang totok.

Seperti majoriti rakyat Malaysia yang lain, saya juga percaya semua orang bebas memberikan pendapat serta pandangan selagi pendapat serta pandangan itu tidak melanggar norma kehidupan.

Undang-undang satu perkara, adab pula adalah satu perkara yang lain. Atas nama adab dan peradabanlah, saya kecewa benar dengan penyiaran kartun

yang maksudnya tidak lain daripada menyamakan Perdana Menteri dengan khinzir itu.

Sebagai orang yang terbabit secara langsung dalam bidang humor dan kartun, saya melihat lakaran itu bukan setakat menghina Dr Mahathir tetapi turut menjadi penghinaan yang amat sangat terhadap industri kartun tanah air serta mereka yang terbabit dengannya.

Ia merendahkan martabat semua yang berkenaan. Ia memberi gambaran betapa

cetek, dangkal dan hodohnya pemikiran manusia yang bergelar kartunis.

Benar, hanya seorang yang berbuat demikian tetapi anda tidak memerlukan seratus atau seribu orang bagi menjahanamkan sesuatu walaupun barangkali anda memerlukan sejuta orang untuk membinanya.

Sebagai manusia kreatif, kartunis mempunyai banyak cara untuk menyampaikan mesej dalam karya mereka. Tetapi melakukannya dengan cara menyekutukan karektor manusia dengan haiwan, apatah lagi yang jijik dan haram di sisi agama, adalah cara yang cukup meloyakan.

Kartunis yang waras dan berwibawa, apa lagi yang selalu berasa dirinya lebih baik daripada orang lain, tidak akan menyandarkan harga dirinya pada karya seumpama itu.

Karya begitu selalunya hanya lahir sebagai jalan keluar yang mudah bagi mereka yang terdesak, yang mati idea dan dangkal idealismenya. Ia juga tidak harus dikagumi melainkan oleh orang yang sakit dan berpenyakit!

Saya akur bahawa sama seperti karyawan lain, kartunis harus bebas melontarkan pandangan dan pemikiran melalui karyanya. Tetapi kebebasan itu harus bersempadan.

Anda bebas meludah tetapi bukan ke muka atau ke pinggan orang. Kalau pun tidak ada undang-undang bertulis yang melarangnya, ia tetap tidak dibenarkan oleh resam kehidupan.

Kebolehan mengenal had serta sempadan itulah yang membezakan kita daripada haiwan lain yang tidak berakal.

Sekali lagi perlu ditegaskan bahawa pandangan ini tidak ada kena-mengena dengan pendirian politik kartunis berkenaan. Dia bebas memilih dan menentukan pegangan politiknya.

Ada lagi kartunis lain yang macam dia, yang memilih untuk menyokong pembangkang atau setidak-tidaknya menjadi `anti-establishment'.

Mereka juga mengkritik dan menghentam pemerintah. Namun, walaupun bakat dan ilmu berkartun mereka mungkin tidak sehebat rakan saya itu, mereka tidaklah pula merosakkan imej rakan-rakan lain dengan lakaran tidak beretika yang menghina manusia lain begitu rupa.

Di kalangan kartunis juga, ramai yang menyokong pemerintah. Mereka juga, kalau mahu, boleh melakarkan wajah pemimpin pembangkang dengan 1,001 jenis haiwan.

Malah, mereka boleh melakukannya tanpa bimbang akan dikenakan tindakan oleh pihak berwajib. Tetapi mereka tidak melakukannya. Mereka tidak melacurkan etika berkartun hanya kerana mahu dipuji dan dianggap berani!

Saya percaya ruang untuk sahabat saya, si kartunis itu untuk kembali menjadi waras terbuka sehingga bila-bila. Dia tidak perlu menjadi `tok ampu' - istilah yang pernah dijajanya dulu.

Dia boleh kekal berkarya, mengkritik dan menghentam sesiapa saja. Dia boleh mempertahankan pendirian politiknya. Kalau mahu, dia boleh berusaha mencorakkan politik negara ini melalui lakarannya.

Jika diberi pilihan, saya lebih suka melihat dia menjadi seperti Nyemb

Popoli, kartunis tersohor Cameroon yang berupaya menyuntik pelbagai nilai dalam politik negara itu tanpa meng`khinzir'kan sesiapa daripada menjadi badut yang disorong ke depan oleh pelakon-pelakon politik.

Kesimpulannya, kepada sahabat saya itu, berpada-padalah. Kita tidak boleh membenarkan otak menjadi semakin sedikit sementara umur menjadi bertambah banyak.

Hormati dan hargailah bakat yang Allah berikan; gunakan ia untuk mengubat, bukan untuk melukakan sesiapa.

Ingatlah bahawa `2B' yang amat nipis garis pemisahanya ialah berani dan bodoh! Untuk menentukan garis pemisah itu, kita perlukan satu lagi `B' - bijak. Dan saya berkeyakinan, saudara masih memiliki `B' yang satu itu. Gunakanlah!

ADI ALHADI,
Bangsar,
Kuala Lumpur.